UUM/DD49/BH/01.07.2005/p.6 (6)

Pelantikan

Dr Nordin disokong

BH 01/07/05 6:6

SINTOK: Pegawai kanan dan kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM) mengalu-alukan pelantikan Ketua Pengarah Biro Tata Negara (BTN), Datuk Dr Nordin Kardi, sebagai naib canselor baru universiti itu.

Pemangku Naib Canselornya, Prof Madya Dr Abdul Razak Chik, berkata warga UUM menyambut baik pelantikan itu kerana Dr Nordin bukanlah asing bagi mereka kerana beliau adalah Ahli Majlis Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad (IPDM) yang ditubuhkan di universiti itu pada 19 Ogos 2003.

Katanya, pembabitan Dr Nordin dalam IPDM dapat memberi gambaran lebih dekat mengenai universiti pengurusan ini.

"Sehubungan itu, warga UUM berterima kasih kepada kerajaan dan Kementerian Pengajian Tinggi kerana melantik orang yang bukan saja mempunyai latar belakang akademik tetapi juga pentadbiran negara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau ketika ini berada di Perancis kerana mengiringi Pemangku Raja Perlis ke Markas Simpanan Tentera di negara itu.

Akhbar semalam melaporkan Dr Nordin dilantik sebagai Naib Canselor baru UUM mulai 16 Jun lalu menggantikan Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Basri yang meninggal dunia kerana komplikasi jantung di Hospital Selayang, Selangor 23 Mei lalu.